

21 JUN 2003

Abdullah-Gulung (Penghargaan)

ABDULLAH KETUAI BARISAN PEMIMPIN BERI PENGHORMATAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Barisan pemimpin tertinggi Umno hari ini memberi penghormatan tertinggi kepada Presiden parti dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkan sebagai nakhoda yang telah berjaya mengemudi negara merentasi gelombang dan ombak pelayaran selama hampir 22 tahun.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Majlis Tertinggi berkata sejak menerajui pucuk pimpinan negara pada 1981, Presiden Umno itu telah meletakkan parti pada landasan yang kukuh, menjadikan negara dihormati dan warganya disegani.

Katanya, agama Islam juga telah diberikan dimensi progresif dan dinamik membawa ajaran sebenar yang mengutamakan asas melalui pendekatan realistik.

Ucapan penghargaan Abdullah semasa menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 itu disambut dengan tepukan gemuruh para perwakilan yang turut bangun berdiri tanda hormat.

Timbalan Presiden Umno itu berkata di bawah pimpinan Dr Mahathir, rakyat dan negara telah melalui proses transformasi yang sungguh ketara daripada segi fizikal, sosial, politik dan ekonomi.

Dalam tempoh tersebut negara juga menghadapi beberapa gegaran dan Umno pula melalui beberapa kejutan.

"Namun Presiden kita nyata seorang nakhoda yang arif. Secara bijaksana beliau berjaya mengemudi bahtera dengan selamat merentasi gelombang dan ombak pelayaran," katanya.

Abdullah yang akan mengambil alih jawatan Presiden dan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir, Oktober ini menyatakan Malaysia bertuah kerana dianugerahkan seorang pemimpin bertaraf negarawan terbilang yang tidak mengenal kekecewaan atau tunduk kepada ugutan.

Dr Mahathir, katanya, adalah lambang pemimpin yang gigih, berani tegas dan tekun.

Beliau juga potret dan wajah negarawan terbilang, celik hati dan celik minda.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau berterima kasih kepada Dr Mahathir yang telah memberikannya banyak kepercayaan dan penghormatan sejak beliau (Mahathir) menjadi Perdana Menteri pada 1981.

Menurutnya pada hari ini daripada kalangan menteri Umno yang menyertai barisan kabinet Mahathir yang pertama, hanya tinggal beliau dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz sahaja.

Secara berseloroh Abdullah berkata tempoh tersebut tidak termasuk cuti "sabbatical" selama tiga tahun 10 bulan yang diambilnya. Beliau merujuk kepada tempoh beliau berada di luar kabinet ketika itu.

Sambil menyatakan setiap yang berlaku ada hikmahnya, Abdullah memberitahu para perwakilan bahawa anugerah terakhir daripada Dr Mahathir diterimanya pada pagi 19 Jun lalu apabila Perdana Menteri memberikannya senaskah ucapan dasar beliau yang diotograf dengan doa dalam bahasa Inggeris berbunyi "May Allah bless you when you take over" (Semoga Allah memberkatimu apabila mengambilalih).

Katanya, beliau terharu dan amat menghargai anugerah tersebut serta segala kepercayaan yang diberikan kepadanya sepanjang tempoh berkhidmat dengan Dr Mahathir.

Beliau berkata sebagai tanda penghargaan negara dan rakyat terhadap jasa bakti Dr Mahathir, kerajaan telah menerima cadangan yang dikemukakan pada perhimpunan tersebut bagi menubuhkan sebuah Institut Pemikiran

Mahathir.

Abdullah juga merakamkan penghargaan kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan ahli keluarganya kerana "meminjamkan suami dan ayah tersayang" kepada Umno dan negara ini.

Katanya, Dr Siti Hasmah adalah azimat utama yang menjadi sumber kekuatan Dr Mahathir dalam memberikan perkhidmatan kepada parti dan negara.

"Beliau sesungguhnya adalah seorang doktor yang banyak mengubati jiwa dan hati," kata Abdullah dan sekali lagi perwakilan bangun berdiri serta memberikan tepukan gemuruh manakala Dr Siti Hasmah pula kelihatan menahan sebak.

Mengenai keyakinan yang disuarakan para perwakilan terhadap kepimpinannya, Abdullah berkata keupayaannya untuk mewarisi pucuk pimpinan parti dan negara hanya dapat dilaksanakan dengan sokongan penuh ahli Umno dan rakyat jelata.

Menurutnya, beliau memilih tema "Mengurus Kejayaan" dalam ucapan dasarnya pada perasmian persidangan tahunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno Rabu lalu sebagai lambang penghargaan kepada kejayaan Perdana Menteri yang akan diwarisi oleh Umno, bangsa, rakyat dan negara.

Dr Mahathir, katanya mewariskan Umno dan Barisan Nasional yang berjaya, bangsa Melayu, warga dan negara Malaysia yang berjaya.

Timbalan Perdana Menteri berkata bagi beliau semua kejayaan itu perlu diurus dengan baik dan beramanah supaya ia menjadi landasan yang kukuh untuk lonjakan kemajuan yang lebih cemerlang.

"Kepercayaan YAB Presiden kepada saya untuk mengambil alih jawatannya dan sokongan saudara-saudari berikan kepada saya adalah amanah yang sama terima," tegas beliau.

Abdullah mengakhiri ucapan dengan berikrar akan sentiasa berpegang kepada pendekatan "tegas, adil dan saksama" dalam menjalankan amanah tersebut dan sekali lagi dewan riuh rendah dengan tepukan gemuruh dan para hadirin bangun memberikan perhormatan.

-- BERNAMA
JH TM MOZ